



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 Feb 2021 (Selasa)

Berita Harian

JAS tahan suspek kes buang sisa kimia 1

Utusan Malaysia

Selangor kaji seragam laporan Covid-19 2
Penolong pegawai seni bina MBPJ didakwa 3

Harian Metro

Terima rasuah RM377k 4
1300 dah buat temu janji 5
Suspek buang sisa kimia ditahan 6

Kosmo

Penolong pegawai MBPJ didakwa rasuah RM377 696 7
Lelaki disyaki buang sisa kimia ditahan 8

Sinar Harian

Data MySejahtera, Selangkah mampu bantu kurangkan kadarjangkitan Covid-19 9
Exco kesal ahli majlis MBSJ diugut 10
Penolong Pegawai MBPJ didakwa 11
Sedang siapkan kertas siasatan 12

Selangor TV

ADN Sungai Kandis edar bantuan makanan 13
Ahli Majlis diugut kerana halang aktiviti sampah haram di Puchong 14
Hilang pendapatan sejak PKP, 26 keluarga dibantu 15

The Star

23 out of 24 representatives assigned zones in Selayang 16
Work as a team, councillors urged 17
Minor changes to fit in new and reappointed MBSJ councillors 18
Newbie MBPJ councillors ready to serve 19
ASSESSMENT TAX 20
Business slows down at PJ's oldest wet market 21
'Talks more useful than fines' 22

The Malaysian Reserve

Higher capacity 23

China Press

Selangor MB: MOH has reach an agreement with Selangor government to share the data 24

Nanyang Siang Pau

Deal with illegal dumps, 25
New city councillors intimidated by private parties

Oriental Daily

Disposal of chemical waste. Suspect arrested 26

Guang Ming Daily



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Do not go into the lake for clams, MBSA urged residents	27
MBSJ member being threatened over suspicion of inadequate handling of illegal landfills	28
Pothole filling is not working; 60% of Selangor's roads are aging	29
Makkal Osai	
No fine imposed to private medical centres in Selangor	30
Malaysia Nanban	
MPK take action!	31



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 February 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JAS tahan suspek kes buang sisa kimia
Muka Surat	:	18

JAS tahan suspek kes buang sisa kimia

Lelaki warga tempatan diberkas hasil maklumat risikan

Oleh Ruwaida Md Zain
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Jabatan Alam Sekitar (JAS) menahan seorang lelaki disyaki terlibat kes pembuangan sisa bahan kimia secara haram di kawasan rizab Sungai Langat, Taman Sri Reko, Kajang, pada 3 Februari lalu.

Penahanan lelaki warga tempatan itu dibuat kira-kira jam 3.30 petang Sabtu lalu, tiga hari selepas penemuan dua tapak pembuangan sisa bahan kimia secara haram di Kajang yang

berpotensi mencemarkan sungai dan menyebabkan gangguan bekalan air di Selangor.

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar, berkata suspek berusia awal 30-an itu ditahan pegawai JAS negeri dan polis di Bukit Serdang, hasil maklumat risikan.

"JAS turut menemui lori muatan tiga tan yang disyaki digunakan dalam aktiviti berkenaan. Kenderaan itu disita untuk siasatan lanjut dan JAS kini sedang melengkapkan kertas siasatan untuk mendakwa suspek," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nor Aziah berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntukkan hukuman penjara mandatori dan denda tidak melebihi RM500,000 jika sabit kesalahan.

Khamis lalu, *BH* melaporkan kerajaan negeri mengesan dua



JAS turut menemui lori muatan tiga tan yang disyaki digunakan dalam aktiviti berkenaan.

Nor Aziah Jaafar,
 Pengarah JAS Selangor



Keratan akhbar *BH*, Khamis lalu.

lokasi pembuangan sisa bahan kimia secara haram di Taman Sri Reko dan Kajang Perdana sebelum pemeriksaan menemui 21 tong berisi larutan cecair berbau seperti pelarut, namun tiada tumpahan cecair dikesan di atas tanah.

"Siasatan ketika ini bertumpu kepada beberapa kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, antaranya Seksyen 34A in situ gagal mengemukakan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling (EIA) dari aktiviti penstoran luar tapak.

"Selain itu, Seksyen 34B in situ menempatkan buangan terdapat di premis tanpa mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah, serta Seksyen 18(1) menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa lesen daripada Ketua Pengarah.

"Siasatan turut dijalankan mengikut Seksyen 19(a), in situ menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah," katanya dalam satu kenyataan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **9 February 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor kaji seragam laporan Covid-19
Muka Surat	:	5

Selangor kaji seragam laporan Covid-19

SHAH ALAM: Kerajaan negeri sedang mengkaji satu kaedah untuk menyeragamkan beberapa perkara teknikal dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dalam mengkoordinasikan laporan Covid-19 kepada Kementerian Kesihatan secara berkesan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud berkata, satu perbincangan akan diadakan pada petang ini dalam mesyuarat penyelarasan berhubung beberapa perkara yang kerajaan negeri dan Kementerian Kesihatan telah persetujuan.

Menurut Siti Mariah, setakat ini, tiada kompaun dikeluarkan kepada klinik dan hospital swasta yang lambat melaporkan kes positif Covid-19 kepada JKNS.

“Kita masih menggunakan pendekatan secara libat urus kepada dua pusat kesihatan swasta ini. Namun, saya telah minta klinik dan hospital swasta untuk mendaftar pesakit positif Covid-19 di dalam Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam

(SIMKA) yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan.

“Sekiranya ada pesakit didapati positif Covid-19 pada hari tersebut, pusat kesihatan terbabit perlu mendaftar nama pesakit tersebut di SIMKA pada hari sama,” katanya dalam sidang akhbar semasa melakukan lawatan di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Stadium tertutup Malawati di sini semalam.

Terdahulu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan, peningkatan kes Covid-19 di negeri ini adalah disebabkan kelewatan klinik dan hospital swasta melaporkan kes positif dalam SIMKA.

Malah, kes Covid-19 di Selangor terus mencatat peningkatan apabila semalam negeri ini menjadi negeri yang mencatatkan kes Covid-19 tertinggi, iaitu sebanyak 1,606 kes.

Dalam pada itu, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Sha’ari Ngadiman berkata, seramai 80 petugas kesihatan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKDP) akan ditugaskan di CAC Stadium Malawati yang beroperasi dari Isnin hingga Sabtu.



KERATAN AKHBAR
9 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penolong pegawai seni bina MBPJ didakwa
Muka Surat	:	33

Penolong Pegawai Seni Bina MBPJ didakwa

SHAH ALAM: Penolong Pegawai Seni Bina Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima rasuah RM377,696 untuk penyediaan dan menandatangani borang arahan kerja penyelenggaraan kuarters, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Hasrul Ahmad Nordin, 43, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rozilah Salleh selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Ahmad Hasrul yang bekerja di Jabatan Kejuruteraan menggunakan kedudukannya menerima suapan keseluruhan berjumlah RM377,696 dengan menyediakan dan menandatangani dua borang arahan kerja bagi dua fasa kerja-kerja penyelenggaraan tahunan untuk



AHMAD Hasrul (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen, Shah Alam, Selangor semalam atas pertuduhan menerima rasuah RM377,696 tiga tahun lalu.

kuarters MBPJ.

Tuntutan bayaran itu adalah berjumlah RM397,576 kepada Foller Trading dalam melaksanakan kerja tersebut. Semua

suapan itu didakwa diterima tertuduh menerusi syarikat miliknya, Hasraf Design Construction dan adiknya iaitu Zie Maju Construction setelah menolak

lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu dilakukan MBPJ pada 4 Jun dan 28 Disember 2018.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhli Ab. Wahab menawarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap awal bulan di pejabat SPRM.



KERATAN AKHBAR		
9 February 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Terima rasuah RM377k
Muka Surat	:	4

Shah Alam

PENOLONG PEGAWAI MBPJ DIDAKWA

Terima rasuah RM377k

Seorang penolong pegawai Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM377,696, tiga tahun lalu.

Ahmad Hasrul Ahmad Nordin, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Saleh.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Penolong Pegawai Seri Bina Jabatan Kejaruteraan MBPJ untuk mendapatkan suapan dengan menyediakan dan menandatangani borang Arahan Kerja bagi tuntutan pembayaran berjumlah RM118,762.54 berkaitan Kerja-kerja Penyelenggaraan Taburan Kuarters MBPJ (Zon A) fasa satu tahun pertama kepada syarikat Foller Trading.

Dia yang mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan kerja-kerja tersebut menggunakan Foller Trading, selaku syarikat pelaksana untuk menerima suapan berjumlah RM302,834 melalui syarikat Ze Maju Construction milik adik lelakinya selepas menolak lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

Bagi pertuduhan kedua, Ahmad Hasrul didakwa menggunakan kedudukan-

nya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya dengan menyediakan dan menandatangani borang sama bagi tuntutan pembayaran sebanyak RM29,831.60 berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan taburan fasa dua tahun pertama kuarters sama kepada Foller Trading.



kepentingan dalam pelaksanaan kerja-kerja tersebut menggunakan Foller Trading, selaku syarikat pelaksana untuk menerima suapan RM29,832 melalui syarikat miliknya Hasraf Design Construction selepas menolak lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

ANGGOTA SPRM membawa tertuduh (terdiri) keluar dari Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Ahmad Hasrul dituduh melakukan kedua-dua perbuatan tersebut di MBPJ pada 4 Jun 2018 dan 28 Disember 2018 mengikut Seksyen 2(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara hingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

RM40k
 Jaminan (Mempunyai raskam) untuk setiap tertuduh

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Fadhi Ab Wahab menawarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap awal bulan di pejabat SPRM Selangor.

Peguam tertuduh, Ariff Azami Hussein memohon mahkamah mengurangkan jaminan kepada RM20,000 memandangkan Ahmad Hasrul perlu menanggung isteri serta tiga anaknya.

Rozilah menetapkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan dan menetapkan 9 Mac untuk sebutan semula kes. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 February 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	1300 dah buat temu janji
Muka Surat	:	10



PETUGAS kesihatan bersedia kehadiran pesakit ketika hari pertama pembukaan CAC di Stadium Malawati Shah Alam, semalam.



DR Sha'ari (dua dari kanan) memberi kata-kata semangat kepada kakitangan barisan hadapan yang bertugas di CAC.



KEADAMAN di dalam Stadium Malawati Shah Alam yang dijadikan Pusat Pemulihan Covid-19 (CAC) ketika tinjauan, semalam.

Oleh **Burwaida Md Zain**
 amz@metro.com.my

Shah Alam

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menjangkakan lebih 1,300 pesakit Covid-19 yang sudah membuat temu janji hadir ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC). Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling di Stadium Malawati, Seksyen 13 di sini, semalam.

Pengarah JKNS, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, semakin dibuat pihaknya kelmarin mendapati seramai 1,020 pesakit disahkan positif Covid-19 dalam daerah Petaling sudah membuat temu janji untuk hari pertama.

"Apabila kita buat semakan temu janji dengan pesakit yang akan datang ke sini, 1,020 yang berdaftar untuk hadir di Stadium Malawati ini.

"Kalau kita lihat bancian harian di samping bilangan kes yang sudah ada temu janji, terdapat 200 hingga 300 pesakit datang secara awal in... jadi saya jangkakan hari ini boleh mencecah

1,300 hingga 1,400 pesakit akan datang ke stadium ini.

"Pada masa sama juga, pesakit kuarantin di rumah boleh datang ke sini untuk kita tamatkan prosedur kuarantin di rumah di kawasan daerah Petaling ini," katanya pada sidang media selepas melawat lokasi berkenaan, semalam.

Tarut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr Siti Mariah Mahmud.

Dr Sha'ari berkata, walaupun ketupamaan CAC PKD Petaling adalah kepada pesakit dalam daerah Petaling namun pihaknya tetap memberi layanan sama kepada pesakit dari daerah lain.

"Jika ada pesakit dari daerah lain datang ke sini, mereka tetap dilayan seperti biasa (proses sama).

"Di sini bukan untuk warga asing, tetapi sekiranya ada datang ke sini, kita terima ini tetapi ketupamaan warga tempatan yang tinggal di dalam daerah Petaling," katanya.

Beliau berkata, semua pesakit yang datang diberikan

1,300 dah buat temu janji

CAC di Stadium Malawati adalah terbesar di Malaysia

laluhan khas, malah mereka tidak akan bercampur dengan laluan petugas dan orang awam lain.

"Apabila pesakit tiba di sini, mereka akan ada pendaftaran, semakan, saringan serta tempat menunggu untuk pesakit dipindahkan ke hospital ataupun Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maepal)," katanya.

Menurutnya, Stadium Malawati itu menjadi lokasi CAC terbesar di Malaysia malah turut mendapat perkenan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris

Shah Al-Haj.

Dalam pada itu, katanya, selain 80 petugas PKD Petaling, pihaknya mendapat kerjasama pelbagai agensi di daerah ini termasuk Pejabat Daerah Petaling, kerajaan negeri selain Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kelmarin, media melaporkan stadium itu akan menggantikan CAC PKD Petaling di Dewan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) SS15 sebelum ini dan dijangkakan boleh memuatkan antara seramai 1,000 hingga 1,500 pesakit.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **9 February 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Suspek buang sisa kimia ditahan
Muka Surat	:	17

Suspek buang sisa kimia ditahan

Shah Alam: Jabatan Alam Sekitar (Jas) Negeri Selangor mengesahkan seorang suspek yang disyaki terbabit dalam kes pembuangan sisa kimia secara haram di rizab Sungai Langat, Taman Seri Reko, Kajang, ditahan.

Pengarahnya, Nor Aziah Jaafar berkata, tangkapan dibuat susulan satu serbuan dijalankan oleh sepasukan pegawai Jas Negeri Selangor dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Sabtu lalu.

“Suspek lelaki warga tempatan berumur awal 30an itu ditahan jam 3.30 petang di Bukit Serdang.

“Berdasarkan maklumat risikan, Jas Negeri Selangor berjaya menemui sebuah lori muatan tiga tan disyaki digunakan dalam aktiviti terbabit yang nyaris menyebabkan Sungai Langat tercemar,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Penolong pegawai MBPJ didakwa rasuah RM377 696
Muka Surat	:	11

Penolong pegawai MBPJ didakwa rasuah RM377,696

Oleh MOHD. YUNUS YAKUB

SHAH ALAM – Seorang Penolong Pegawai Seni Bina Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM377,696 untuk penyediaan dan mendatangkan borang arahan kerja penyelenggaraan kuarters MBPJ, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Hasrul Ahmad Nordin, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rofiah Salleh.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh yang bekerja di Jabatan Keutamaan MBPJ telah mengemukakan keputusannya menerima suapan keseluruhan RM377,696 dengan menyediakan dan mendatangkan dua borang arahan kerja bagi dua tawaran kerja

kerja penyelenggaraan tahunan untuk kuarters MBPJ.

Tuntutan bayaran itu adalah berjumlah RM192,576 kepada Fuller Trading dalam melaksanakan kerja tersebut.

Kesemua suapan diterima tertuduh menerusi syarikat miliknya, Hasraf Design Construction dan adiknya iaitu Zie Maju Construction setelah menotak 5 peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat dengan perbuatan dilakukan MBPJ pada 4 Jun dan 28 Disember 2018.

Sefahaman itu, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau

RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raja SPRM, Fadhli Ab Wahad menawarkan jaminan RM100,000 bersama seorang penjamin dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap awal bulan di pejabat SPRM.

Peguam Ariff Azami Hussein yang mewakili Ahmad Hasrul memohonikat jamn dikurangkan kepada RM20,000 berikutan tertuduh perlu menanggung tiga orang anaknya termasuk seorang merupakan orang kelainan upaya (OKU) jembun.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM10,000 bersama seorang penjamin dan membenarkan syarat tawaran lain daripada pihak pendakwa.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 9 Mac depan.



AHMAD HASRUL (tengah) ketika dibawa pegawai SPRM untuk pendakwaan kes rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.



KERATAN AKHBAR 9 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lelaki disyaki buang sisa kimia ditahan
Muka Surat	:	18



KERATAN Kosmo!
 bertarikh
 4 Februari 2021.

PIHAK JAS Selangor
 memeriksa tong
 mengandungi sisa
 bahan kimia di
 Sungai Langat.

Lelaki disyaki buang sisa kimia ditahan

SHAH ALAM – Seorang lelaki diberkas kerana disyaki terlibat dengan kes pembuangan haram sisa kimia di rizab Sungai Langat, Taman Seri Reko, Kajang Sabtu lalu.

Suspek berusia 20-an itu ditahan pada pukul 3.30 petang di Bukit Serdang dekat sini hasil kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan polis.

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, kejayaan itu hasil maklumat dan risikan pihaknya selain menemui sebuah lori bermuatan tiga tan yang disyaki digunakan dalam aktiviti tersebut yang nyaris menyebabkan pencemaran Sungai Langat.

"Lori tersebut telah disita

oleh JAS Selangor untuk siasatan lanjut.

"Kertas siasatan sedang dilengkapkan untuk membawa penjenayah alam sekitar ini ke muka pengadilan," katanya yang memberitahu suspek di-reman sehingga hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan penjara mandatori.

Pada 4 Februari lalu, Kosmo! melaporkan sebanyak 19 tong berisi cecair kimia dibuang di Taman Seri Reko berhampiran Sungai Langat di sini dan hampir mengakibatkan henti tugas di Loji Rawatan Air (LRA) berhampiran.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 February 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Data MySejahtera, Selangkah mampu bantu kurangkan kadarjangkitan Covid-19
Muka Surat	:	10

Data MySejahtera, Selangkah mampu bantu kurangkan kadar jangkitan Covid-19

SHAH ALAM - Gabungan data yang diperoleh daripada aplikasi MySejahtera dan Selangkah dilihat boleh membantu dalam mengurangkan kadar jangkitan Covid-19.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, hasil gabungan dua aplikasi itu menjadikan data yang dikumpul semakin tepat dan mampu membuat ramalan serta unjuran yang lebih baik.

Menurutnya, sebelum ini dengan menggunakan data berkenaan, Selangor telah mengesan beberapa kawasan yang diramal menjadi kawasan jangkitan Covid-19.

"Sebab itu saya minta pihak kerajaan untuk berkongsi data bersama kita, supaya data tersebut boleh dianalisis dalam sistem kita.

"Perkara ini telah dibuktikan pada gelombang kedua yang mana melalui

data, kita mengetahui ramai yang berkumpul di Pasar Jalan Othman. Kita telah meramalkan dan berjaya kuwal penularan wabak ini," katanya pada program bertajuk *Special Edition: Covid-19 Fight: Red Zone Selangor* secara langsung pada Ahad.

Program tersebut turut disertai Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan Karangraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob; Penasihat Kumpulan Star Media Group Berhad, Datuk Seri Wong Chun Wai dan Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar.

Amirudin turut mencadangkan agar diperbanyakan pusat kuarantin bagi mengurangkan beban Kementerian Kesihatan dan hospital dalam mengawal penularan Covid-19 yang kini telah memecah kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU) 100 peratus.

"Dalam Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mereka menggunakan kaedah *Find-Test-Trace-Isolate-Support* (FTTIS). Jadi, kerajaan kini telah membuat kaedah mencari, menguji, mengesan dan sokongan namun kurang dari segi pengasingan.



Dari atas kiri: Amirudin, Chun Wai, Hussamuddin dan Johan pada program *Special Edition: Covid-19 Fight: Red Zone Selangor* yang ditayangkan secara langsung menerusi platform media sosial pada malam Ahad.

"Saya telah menawarkan kepada kerajaan Persekutuan untuk membuka dua pusat kuarantin baharu di Selangor pada minggu hadapan untuk membuat pengasingan kepada mereka yang positif.

"Ini kerana, kuarantin secara sendiri tidak mendatangkan hasil yang terbaik," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Exco kesal ahli majlis MBSJ diugut
Muka Surat	:	21

Exco kesal ahli majlis MBSJ diugut

PUCHONG - Tindakan pihak yang membuang sampah haram di tepi Sungai Klang mengugut seorang Ahli Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) baru-baru ini diselar Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Negeri Selangor, Ng Sze Han.

Sze Han berkata, ahli majlis berkenaan, Kenneth Sam Saminathan hanya menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk membantu menyelesaikan masalah di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah seliaanya.

"Saya dimaklumkan beliau (Kenneth) ahli majlis baharu dilantik sejak 1 Januari lalu diugut kerana mengambil tindakan terhadap kes pembuangan sampah haram di tepi Sungai Klang



Sze Han (dua dari kanan) ketika melakukan tinjauan di lokasi sampah haram itu di Jalan TK 5/27 Taman Mawar pada Isnin.

berhampiran Taman Mawar Seksyen 5 Kinrara.

"Beliau (Kenneth) diugut dan diminta tidak masuk ke kawasan itu (lokasi pembuangan sampah haram) serta tidak masuk campur hal di kawasan itu.

"Saya kesal kerana situasi ini berlaku, sepatutnya tak boleh berlaku kerana ahli majlis hanya menjalankan tugas membantu kerajaan negeri dan MBSJ menjaga serta menyelesaikan masalah di kawasan itu," katanya kepada *Sinar Harian*.



KERATAN AKHBAR		
9 February 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penolong Pegawai MBPJ didakwa
Muka Surat	:	21

Penolong Pegawai MBPJ didakwa

Terima suapan
 RM377,696 tiga
 tahun lalu

SHAH ALAM

Seorang penolong pegawai Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM377,696, tiga tahun lalu.

Ahmad Hasrul Ahmad Nordin, 43, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terbabit dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Jabatan Kejuruteraan MBPJ untuk mendapatkan suapan dengan menyedia dan



Tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Isnin.

menandatangani Borang Arahan Kerja bagi tuntutan pembayaran berjumlah RM318,762.54 berkaitan Kerja-kerja Penyelenggaraan Tahunan Kuarters MBPJ (Zon A) fasa satu tahun pertama kepada syarikat Foller Trading.

Dia yang mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan kerja-

kerja tersebut menggunakan Foller Trading, selaku syarikat pelaksana untuk menerima suapan berjumlah RM302,824 melalui syarikat Zie Maju Construction setelah menolak lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

Bagi pertuduhan kedua, Ah-

mad Hasrul didakwa menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya dengan menyediakan dan menandatangani borang sama bagi tuntutan pembayaran sebanyak RM78,813.60 berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan tahunan fasa dua tahun pertama kuarters sama kepada Foller Trading.

Dia yang mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan kerja-kerja tersebut menggunakan Foller Trading, selaku syarikat pelaksana untuk menerima suapan RM74,872 melalui syarikat miliknya Hasraf Design Construction setelah menolak lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

Ahmad Hasrul dituduh melakukan kedua-dua perbuatan tersebut di MBPJ pada pada 4 Jun 2018 dan 28 Disember 2018 mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah

Seksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara hingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, SPRM Fadhi Ab Wahab menawarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap awal bulan di pejabat SPRM Selangor.

Peguam tertuduh, Ariff Azami Hussein memohon mahkamah mengurangkan jaminan kepada RM20,000 memandangkan Ahmad Hasrul perlu menanggung isteri serta tiga anaknya.

Rozilah menetapkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan dan menetapkan 9 Mac untuk sebutan semula kes. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sedang siapkan kertas siasatan
Muka Surat	:	21

Sedang siapkan kertas siasatan

KAJANG - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dengan kerjasama polis memberkas suspek yang disyaki terlibat dalam kes pembuangan haram sisa kimia di rezab Sungai Langat, Taman Seri Reko, Kajang pada 3 Februari lalu.

Bagaimanapun Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Norlin Jaafar dalam satu kenyataan pada Ahad yang memaklumkan perkara itu tidak menyatakan jumlah suspek yang diberkas pihak berkuasa itu.

Menurutnya, berdasarkan maklumat risikan,

JAS Selangor menemui sebuah lori tiga tan yang disyaki digunakan dalam aktiviti itu yang nyaris menyebabkan Sungai Langat tercemar dan lori terbabit disita jabatan berkenaan untuk siasatan lanjut.

Katanya, kertas siasatan sedang dilengkapkan untuk membawa suspek terbabit ke muka pengadilan di bawah Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang membawa hukuman berat iaitu penjara mandatori dan boleh didenda tidak melebihi RM500,000.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 February 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	ADN Sungai Kandis edar bantuan makanan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 February 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Ahli Majlis diugut kerana halang aktiviti sampah haram di Puchong
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 February 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Hilang pendapatan sejak PKP, 26 keluarga dibantu
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **9 February 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	23 out of 24 representatives assigned zones in Selayang
Muka Surat	:	2

23 out of 24 representatives assigned zones in Selayang

ALL the councillors at Selayang Municipal Council (MPS) appointed for the 2021-2022 term have been assigned their respective zones, including the six new faces sworn in early January.

Kampung Gombak Utara village head Ahmad Farizal Manaff will oversee Zone 1 while project manager Ahmad Usamah Zulkifli is assigned to Zone 3.

Lawyer Wan Anwar Wan Ibrahim will take on Zone 11, while company director Sulaiman Abu Samah is overseeing Zone 14.

Anmuniandy Vellymalai who is self-employed, will oversee Zone 16, while company director Cheong Heng Wai is assigned to Zone 23.

Meanwhile, the 11 councillors reappointed to serve the 2021-2022 term were tasked with their old zones while six others who were sworn in late last year have retained their existing zones.

Zone 22 remains vacant for now, as the slot for a PKR candidate is yet to be named.

Under the zoning system, a councillor is assigned to one of 24 zones under the local authority and will work with the Residents Committee (JKP) in that area comprising representatives from resident groups and non-governmental organisations.

The councillor and residents will work to address issues and organise community programmes within that zone.

For a full list of MPS councillors and their zones, visit www.mps.gov.my – **By JADE CHAN**



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 February 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Work as a team, councillors urged
Muka Surat	:	2



New councillors along with their seniors in Selangor form a bridge to help residents channel their problems. StarMetro finds out who they are and the areas they will be overseeing under the Klang, Petaling Jaya, Subang Jaya and Selayang councils. >2&3

Work as a team, councillors urged

Almost half of 288 reps for Selangor 2021-2022 term are fresh faces

By EMMERY HAJARIN
 ehajarin@starmetro.com

SILANG councillors have the potential to make a difference to their constituents, but only if they work as a team, councillors urged.

The 288 councillors were elected to the Selangor State Assembly in a landmark election that saw a record number of fresh faces. In total, 144 of the 288 councillors are new to the assembly.

For the first time in Selangor, almost half of the 288 councillors were elected in the same constituency. This means that councillors will be working with their seniors in their constituencies.

StarMetro spoke to several councillors about their plans for the coming year. They all agreed that working as a team is crucial for the assembly to be effective.

